



**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan **keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut:-

Jawatan	:	Pembantu Kesihatan Awam
Gred	:	U1
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perubatan Dan Kesihatan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Bilangan Kekosongan	:	1
Jadual Gaji	:	Minimum – Maksimum ; RM1,500.00 – RM 4,680.00

Elauun :

Imbuan Tetap Khidmat Awam	:	RM 115.00
Imbuan Tetap Perumahan	:	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	:	RM 200.00

1. SYARAT LANTIKAN :-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) (i) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,500.00) atau;
(ii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kesihatan Awam** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,561.00) dan

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS:

Membantu menjalankan tugas-tugas kawalan kesihatan, kawalan perniagaan melalui pengeluaran Lesen/Permit kebenaran dan membantu memantau pelaksanaan kutipan sisa pepejal & di seluruh kawasan pentadbiran MDBG.

4. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa kesemasa.

5. CARA MEMOHON :

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di digital.perak.my/perjawatan/
- ii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan Perintah Am Bab 'A' 21.

6. CATATAN AM :-

- i. Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh pihak Majlis Daerah Batu Gajah.

Tarikh tutup permohonan : 24 APRIL 2026 (JUMAAT)